



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

|                    |          |                                  |
|--------------------|----------|----------------------------------|
| <b>KURSUS</b>      | <b>:</b> | <b>FUNDAMENTAL OF MANAGEMENT</b> |
| <b>KOD KURSUS</b>  | <b>:</b> | <b>DPI1033</b>                   |
| <b>PEPERIKSAAN</b> | <b>:</b> | <b>OKTOBER 2015</b>              |
| <b>MASA</b>        | <b>:</b> | <b>2 JAM 30 MINIT</b>            |

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** bahagian:

|                        |
|------------------------|
| BAHAGIAN A (20 Markah) |
| BAHAGIAN B (20 Markah) |
| BAHAGIAN C (40 Markah) |
| BAHAGIAN D (20 Markah) |
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A, BAHAGIAN B dan BAHAGIAN C. Jawab **SATU (1)** soalan dari BAHAGIAN D .
  - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Betul/Salah
  - ii. Jawab BAHAGIAN B di dalam Borang Jawapan Objektif
  - iii. Jawab BAHAGIAN C dan D di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan mukasurat baru.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Betul/Salah
  - iii. Borang Jawapan Objektif
  - iv. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 13 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

---



**BAHAGIAN A**

**Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Betul/Salah**

1. Mengorganisasi bermaksud para pengurus menyelaraskan sumber-sumber tenaga manusia dan sumber-sumber organisasi bagi mencapai sesuatu matlamat.
2. Pengurus melaksanakan peranan sebagai perunding dimana pengurus akan mewakili organisasi atau unitnya dalam setiap rundingan yang melibatkan bidang tanggungjawab mereka.
3. Kemahiran konsep merujuk kepada kebolehan bekerja dengan memahami dan merangsang orang lain.
4. Perancangan adalah penting kerana ia memberikan panduan terhadap maksud atau tujuan ses sebuah kegiatan yang dijalankan oleh organisasi.
5. Tiga jenis perancangan utama yang biasa digunakan adalah perancangan strategik, perancangan teknik dan perancangan operasi.
6. Projek adalah merupakan perancangan yang mempunyai satu set aktiviti yang besar.
7. Keputusan tidak berprogram dikaitkan dengan masalah yang unik dan amat rumit.
8. Langkah terakhir dalam proses membuat keputusan adalah penilaian alternatif keputusan.
9. Dua aspek penting dalam pembentukan struktur organisasi adalah pembahagian kerja dan penjabatanan.
10. Penjabatanan mengikut matriks juga kerap kali dikenali sebagai pengurusan projek.

11. Abraham Maslow telah menggariskan dua pandangan yang berbeza tentang manusia iaitu pandangan negatif (Teori X) dan pandangan positif (Teori Y).
12. Teori tiga keperluan McClelland merangkumi keperluan pencapaian, keperluan kuasa dan keperluan perhubungan.
13. Proses asas motivasi bermula apabila terdapat suatu keperluan yang tidak dipuaskan.
14. Kawalan berfungsi untuk mengukur dan memperbaiki kesilapan yang berlaku dan pelaksanaan aktiviti yang menyimpang daripada sasaran asal.
15. Terdapat **LIMA (5)** proses yang terlibat dalam usaha menjayakan sesuatu proses pengawalan.
16. Teknik kawalan output dijalankan bertujuan untuk memastikan tingkah laku pekerja selaras dengan apa yang dibentuk oleh organisasi.
17. Perkara-perkara yang mempengaruhi pengekodan dalam komunikasi adalah kemahiran, sikap, pengetahuan dan sistem budaya sosial.
18. Pengekodan berlaku apabila pengirim menterjemahkan maklumat yang terdapat dalam mindanya ke dalam bentuk simbol-simbol tertentu.
19. Sebagai khalifah Allah S.W.T, seseorang pengurus perlu menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran supaya pekerja dan organisasinya memperolehi *al-falah*.
20. Keadilan tidak bermaksud persamaan tetapi adalah meletakkan perkara kena pada tempatnya.

(20 markah)

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal adalah fungsi-fungsi yang terdapat dalam proses \_\_\_\_\_.
  - A. Pengurusan
  - B. Perancangan
  - C. Pengorganisasian
  - D. Membuat keputusan
  
2. Henry Mintzberg mengemukakan bahawa terdapat \_\_\_\_\_ peranan utama yang dimainkan oleh pengurus dalam sesebuah pengurusan.
  - A. 2
  - B. 3
  - C. 4
  - D. 5
  
3. Terdapat TIGA (3) jenis kaedah dalam kawalan, iaitu kawalan sebelum tindakan, \_\_\_\_\_ dan kawalan selepas tindakan.
  - A. Kawalan tindakan
  - B. Kawalan sekitar
  - C. Kawalan kualiti
  - D. Kawalan serentak
  
4. Dibawah merupakan padanan yang BETUL mengenai terma dalam proses komunikasi KECUALI:

|    |             |   |
|----|-------------|---|
| A. | Pengirim    | Sumber yang memulakan sesuatu mesej   |
| B. | Penerima    | Individu yang menerima sesuatu mesej  |
| C. | Pengekodan  | Pengirim menterjemahkan maklumat yang terdapat didalam mindanya ke dalam bentuk simbol tertentu |
| D. | Pengdekodan | Penerima menterjemahkan mesej mengikut kefahaman orang yang memberikan mesej tersebut           |

5. \_\_\_\_\_ adalah produk fizikal yang dapat dilihat atau didengar daripada pengekodan sumber.
- A. Pengirim
  - B. Mesej
  - C. Gangguan
  - D. Pengdekodan
6. Rajah di bawah menunjukkan langkah-langkah dalam proses membuat keputusan . Apakah langkah 7: "X" dibawah?

Langkah 4: Membangunkan Alternatif



Langkah 5: Analisis Alternatif



Langkah 6: Pemilihan Antara Alternatif



Langkah 7: X

- A. Pelaksanaan Alternatif
  - B. Penilaian Alternatif
  - C. Memperuntukkan wajaran kepada kriteria
  - D. Mengenalpasti Alternatif
7. Menurut Robert L. Katz terdapat tiga jenis kemahiran asas yang perlu dimiliki oleh seorang pengurus iaitu kemahiran teknik, kemahiran kemanusiaan dan
- 
- A. Kemahiran taktikal
  - B. Kemahiran operasi
  - C. Kemahiran konsep
  - D. Kemahiran strategik

8. Kecekapan, kualiti dan mutu adalah antara aspek yang diguna pakai dalam \_\_\_\_\_ bagi melihat prestasi dan hasil sebenar yang ditunjukkan oleh pekerja.
- A. Kawalan input
  - B. Kawalan output
  - C. Kawalan kualiti
  - D. Kawalan serentak
9. Pengurusan yang berada pada tahap paling bawah dalam hierarki organisasi dikenali sebagai \_\_\_\_\_.
- A. Pengurus peringkat pertama
  - B. Pengurus pertengahan
  - C. Pengurus atasan
  - D. Pengurus fungsi
10. Komunikasi yang memberikan peluang kepada orang bawahan (pekerja) untuk memberi maklumat kepada pengurus dikenali sebagai \_\_\_\_\_.
- A. Komunikasi ke bawah
  - B. Komunikasi menegak
  - C. Komunikasi membujur
  - D. Komunikasi ke atas
11. Kedudukan Grid Pengurusan pada (9,9) dinamakan sebagai \_\_\_\_\_.
- A. Pengurus miskin
  - B. Pengurus pasukan
  - C. Pengurus tugas
  - D. Pengurus kelab rekreasi
12. Antara berikut yang manakah merupakan halangan kepada komunikasi yang berkesan
- i. Penapisan
  - ii. Persepsi pemilihan
  - iii. Saratan maklumat
  - iv. Bahasa

- A. i dan iv
- B. ii dan iv
- C. ii, iii dan iv
- D. Semua diatas

13. Terdapat empat peranan khusus yang seharusnya dimainkan oleh seorang pengurus dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pembuat keputusan iaitu:

- A. Sebagai usahawan, pengawal gangguan, penagih dan perunding
- B. Sebagai usahawan, pengawal gangguan, pengagih dan perunding
- C. Sebagai pengawas, jurucakap, pengagih dan perunding
- D. Sebagai pengawas, penyebar, pengagih dan perunding


14. Persepsi pemilihan dalam halangan kepada komunikasi yang berkesan merujuk kepada:

- A. Penerima melihat dan mendengar berdasarkan kepada keperluan, motivasi, pengalaman dan ciri-ciri personaliti yang lain
- B. Perbuatan memanipulasikan maklumat secara sengaja agar ia kelihatan lebih sedap kepada penerima
- C. Individu mendapat lebihan maklumat yang dapat dianalisa dan digunakan
- D. Komunikasi yang membolehkan sesuatu perkara itu dapat difahami dengan jelas dan baik

15. Syura ialah \_\_\_\_\_.

- A. Penyertaan atau penglibatan pekerja dalam proses membuat keputusan yang melibatkan kerja mereka
- B. Meletakkan sesuatu perkara kena pada tempatnya
- C. Setiap yang wajib yang dipelihara dan ditunaikan kepada ahlinya
- D. Anggapan dimana pekerja dan majikan adalah seperti saudara sendiri

16. Gambarajah dibawah menunjukkan sistem komunikasi secara tidak formal.



Komunikasi ini berlaku apabila seorang individu sahaja yang menceritakan kepada orang ramai tentang sesuatu perkara. Komunikasi ini dikenali sebagai \_\_\_\_\_.

- A. Kebarangkalian
- B. Gosip
- C. Urutan individu
- D. Kelompok

17. Peranan pengurus Islam termasuklah \_\_\_\_\_.

- i. Hamba Allah S.W.T
  - ii. Khalifah Allah S.W.T
  - iii. Saudara sesama Islam
- 
- A. i dan ii
  - B. i dan iii
  - C. ii dan iv
  - D. semua diatas


18. Antara ciri-ciri amanah di dalam pengurusan adalah seperti berikut KECUALI

- A. Melaksanakan tanggungjawab dengan jujur dan ikhlas
- B. Merasa ujub dalam pelaksanaan tanggungjawab yang diberi
- C. Sentiasa zuhud dalam melaksanakan tuntutan kerja
- D. Menggunakan masa dengan cekap dan sebaik-baiknya

19. Sebagai Khalifah Allah S.W.T, seseorang pengurus perlu menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran supaya pekerja, organisasi dan dirinya memperolehi \_\_\_\_\_.

- A. As-solah
- B. Al-falah
- C. Al-fasad
- D. Al-fulus

20. Rajah di bawah menunjukkan carta organisasi dan penjabatanan mengikut:



- A. Kawasan
- B. Barangian
- C. Fungsi
- D. Pelanggan

(20 markah)

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi EMPAT (4) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a) Berikan definisi pengorganisasian. (2 markah)
- b) Terdapat **DUA (2)** aspek penting di dalam pembentukan struktur organisasi. Jelaskan kedua-dua aspek tersebut. (8 markah)

**SOALAN 2**

- a) Berikan definisi komunikasi (2 markah)
- b) Huraikan secara ringkas **EMPAT (4)** bentuk komunikasi tidak formal (8 markah)

**SOALAN 3**

- a) Berikan definisi amanah dalam konteks prinsip pengurusan Islam (1 markah)
- b) Jelaskan secara ringkas **TIGA (3)** ciri amanah di dalam pengurusan Islam beserta contoh yang sesuai. (9 markah)

**SOALAN 4**

Huraikan terma di bawah secara ringkas

- i. Penjabatanan
- ii. Piawaian
- iii. Motivasi
- iv. Kawalan serentak
- v. Belanjawan

(10 markah)

**BAHAGIAN D**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **SATU (1)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

*“Satu proses memantau prestasi dan pengambilan tindakan untuk memastikan hasil tercapai seperti yang dijangkakan.”*

*David A Holt, Management Principles & Practices*

Berdasarkan pernyataan di atas

- a) Huraikan secara terperinci **EMPAT (4)** proses kawalan beserta dengan contoh yang sesuai.

(16 markah)

- b) Berikan **DUA (2)** faktor dalam menetapkan suatu piawaian

(4 markah)

**SOALAN 2**

Keadilan merupakan matlamat amanah. Keadilan dalam Islam diukur melalui Al-Quran dan As-Sunnah, bukan ditafsirkan mengikut hawa nafsu manusia.

Terdapat **TIGA (3)** ciri penting keadilan dalam Pengurusan dari Perspektif Islam. Jelaskan setiap satu ciri tersebut beserta dengan contoh yang sesuai.

(20 markah)

**SOALAN 3**

Terdapat **TIGA (3)** keadaan yang menunjukkan pengurus perlu membuat keputusan, iaitu dalam keadaan kepastian, risiko dan ketidakpastian.

Huraikan secara terperinci setiap satu keadaan tersebut beserta dengan contoh yang tepat.

(20 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**